

TERMA DAN SYARAT
KEMPEN CLICK, PAY & EARN IS BACK!

KEMPEN

1. **Kempen Click, Pay & Earn Is Back!** merupakan kempen kerjasama di antara PTPTN dengan rakan strategik. Kempen ini bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan peminjam PTPTN dan pendeposit Simpan SSPN untuk membuat bayaran balik dan simpanan secara dalam talian. Pendekatan ini adalah sebahagian daripada usaha ke arah pendigitalan PTPTN secara menyeluruh bagi penyampaian perkhidmatan hujung ke hujung (*end to end*).
2. Berikut adalah rakan strategik yang menyertai kempen ini:
 - a) AnsaraPay;
 - b) PayHalal; dan
 - c) Shopee.

KELAYAKAN DAN TEMPOH KEMPEN

3. Terbuka kepada pengguna aplikasi AnsaraPay, PayHalal dan Shopee yang membuat bayaran balik pinjaman PTPTN atau penambahan deposit Simpan SSPN di dalam tempoh kempen;
4. Penentuan kelayakan dan tempoh kempen adalah seperti berikut :

Saluran	Tempoh Kempen	Kelayakan	Pemberian Ganjaran
AnsaraPay	11 November – 30 November 2021	Bayaran balik pinjaman atau simpanan minimum RM100 dalam satu (1) transaksi	<ul style="list-style-type: none">• Cashback RM15 ke dalam akaun e-wallet pengguna dan RM10 baucar pembelian di https://kedaiansara.my x 200 pengguna terawal (first come first serve basis).• Akan dikreditkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh transaksi.• Pengguna yang layak hanya akan menerima cashback dan baucar sekali sahaja dalam tempoh kempen.

<p>ShopeePay</p>	<p>11 November – 31 Disember 2021</p>	<p>Bayaran balik pinjaman atau simpanan minimum RM100 dalam satu (1) transaksi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberian baucar diskaun untuk bayaran balik pinjaman atau Simpan SSPN sebanyak RM10 x 50 pengguna terawal setiap hari sepanjang tempoh kempen. • Pengguna yang layak hanya akan menerima baucar diskaun sekali sahaja dalam tempoh kempen. • Pengguna yang berjaya menerima baucar diskaun perlu membuat penebusan terlebih dahulu sebelum membuat pembayaran seterusnya untuk pinjaman PTPTN atau simpanan di dalam Simpan SSPN.
<p>PayHalal</p>	<p>11 November – 11 Januari 2022</p>	<p>Bayaran balik pinjaman atau simpanan minimum RM100 dalam satu (1) transaksi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tunai RM5 x 100 pengguna terawal dalam setiap bulan sepanjang tempoh kempen. • Akan dikreditkan ke dalam akaun yang dibuat bayaran iaitu sama ada ke akaun pinjaman PTPTN atau Simpan SSPN dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh transaksi. • Pengguna yang layak hanya akan menerima ganjaran tunai sekali sahaja dalam tempoh kempen.

5. PTPTN mempunyai hak mutlak menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.
6. Sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

PERUNTUKAN UMUM

7. Pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan membenarkan butiran peribadi termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi;
8. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya;

9. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana pelanggan. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini, PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pelanggan untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;
10. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya;
11. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pelanggan tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan;
12. Jika pelanggan didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pelanggan yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN;
13. Penyertaan pelanggan di dalam kempen ini adalah atas risiko pelanggan sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut;
14. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat;
15. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pelanggan termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama pelanggan, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pelanggan hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.

Maklumat dikemaskini pada 10 November 2021